

ARAHAN:

Baca petikan karangan di bawah dan kenal pasti ayat bagi setiap teknik penulisan karangan dan masukkan (*DRAG*) ayat tersebut ke dalam petak yang disediakan.

Tajuk: Kenaikan Suhu (Kesan dan Usaha Mengatasinya)

- isu kenaikan suhu di sesebuah negara semakin mendapat perhatian masyarakat.
- Peningkatan suhu berlaku secara mendadak akibat daripada pelbagai aktiviti manusia yang kurang mementingkan kelestarian alam sekitar. Sikap segelintir masyarakat yang mementingkan diri sendiri tanpa memikirkan kesannya terhadap alam sekitar turut memburukkan keadaan.
- Persoalannya, apakah kesan daripada peningkatan suhu dan apakah usaha-usaha yang boleh dilakukan untuk mengatasinya?
- Oleh itu, isu tersebut hendaklah ditangani dengan segera sebelum *nasi menjadi bubur*.
- Dalam meniti arus kemodenan yang kian rancak,

Pendahuluan	
M (Masa)	
I (Isu)	
S (Sebab)	
O (Oleh itu)	
P (Persoalan)	

- Sebagai contoh, kehidupan marin turut terjejas apabila banyak spesies ikan mati akibat peningkatan suhu air.
- Hal ini dikatakan demikian kerana tumbuhan dan haiwan sukar menyesuaikan diri dengan perubahan suhu yang mendadak.
- Jelaslah bahawa kenaikan suhu memberikan kesan yang besar terhadap keseimbangan ekosistem.
- Sebagai cetusan minda yang pertama, *tak tumbuh tak melata, tak sungguh orang tak kata*, antara kesan buruk daripada peningkatan suhu ialah menjejaskan kehidupan flora dan fauna.
- Rentetan itu, peningkatan suhu bukan sahaja menjejaskan habitat semula jadi, malah turut mengancam kelangsungan hidup flora dan fauna.

ISI 1 (KESAN)	
P(Point)	
E(Explain) Mengapa?	
E(Evidence) Contoh	
E(Effect)	
L(Link) Tegaskan kembali isi	

- Misalnya, golongan warga emas dan kanak-kanak lebih mudah terjejas apabila berhadapan dengan suhu yang terlalu tinggi.
- Justeru, peningkatan suhu bukan sahaja mengancam spesies alam, malah turut membahayakan keselamatan dan kesihatan manusia.
- Jika ditinjau dari aspek yang berbeza, kesihatan manusia juga merupakan salah satu kesan daripada peningkatan suhu.
- Natijahnya, cuaca panas melampau boleh menyebabkan mereka mengalami strok haba yang membahayakan nyawa.
- Hal ini demikian kerana individu yang terdedah kepada cuaca panas dalam tempoh yang lama berisiko mengalami pelbagai masalah kesihatan seperti strok haba dan dehidrasi.

ISI 2 (KESAN)	
P (Point)	
E (Explain) Mengapa?	
E(Evidence) Contoh	
E(Effect)	
L(Link) Tegaskan kembali isi	

- Oleh itu, penambahan kawasan hijau merupakan salah satu usaha yang berkesan untuk mengurangkan kesan peningkatan suhu.
- Sebagai contoh, program penanaman pokok secara besar-besaran boleh dilaksanakan untuk menambahkan kawasan hijau.
- Hal ini dikatakan demikian kerana kawasan yang dipenuhi tumbuh-tumbuhan dapat membantu menyejukkan persekitaran dan menyerap haba.
- Dengan berbuat demikian, kawasan hijau yang berfungsi sebagai “paru-paru hijau” dapat membantu mewujudkan persekitaran yang lebih nyaman dan lestari.
- Bertitik tolak daripada hal ini, antara usaha yang boleh dilakukan untuk mengatasi peningkatan suhu ialah melaksanakan program penanaman pokok dan penghijauan semula.

ISI 3 (USAHA)	
P (Point)	
E (Explain) Mengapa?	
E(Evidence) Contoh	
E(Effect)	
L(Link) Tegaskan kembali isi	

- Hal ini demikian kerana bangunan yang menggunakan bahan binaan tertentu, seperti cat yang dapat memantulkan haba, mampu mengurangkan penyerapan haba di dalam bangunan.
- Oleh itu, pembinaan infrastruktur yang mesra alam merupakan salah satu usaha untuk menangani masalah peningkatan suhu.
- Tambahan pula, dengan membina infrastruktur yang dapat mengurangkan kesan cuaca panas juga salah satu inisiatif yang boleh dilakukan untuk mengatasi masalah ini.
- Sehubungan dengan itu, penggunaan teknologi hijau bukan sahaja dapat mewujudkan bangunan yang lebih selesa, malah turut membantu mengurangkan kesan cuaca panas.
- Misalnya, bangunan yang mengamalkan konsep Bangunan Hijau boleh menggunakan panel solar dan cat pemantul haba yang dapat menjimatkan tenaga serta mengurangkan suhu di dalam bangunan.

ISI 4 (USAHA)	
P (Point)	
E (Explain) Mengapa?	
E(Evidence) Contoh	
E(Effect)	
L(Link) Tegaskan kembali isi	

- Semua pihak perlulah berganding bahu dan memainkan peranan masing-masing agar masalah ini dapat ditangani dengan berkesan.
- Diharapkan agar usaha-usaha yang dilaksanakan dapat membawa manfaat kepada manusia dan alam sekitar.
- Tuntasnya, terdapat pelbagai usaha yang boleh dilakukan bagi menangani masalah peningkatan suhu.

PENUTUP	
Ke (Kesimpulan)	
Ca (Cadangan)	
Ha (Harapan)	